

Kerajaan akan bina tiga lagi memorial

JM 15 JAN 2004

KUALA LUMPUR 14 Jan. — Kerajaan akan membina tiga lagi memorial untuk mengenang jasa Perdana Menteri Ketiga, Allahyarham Tun Hussein Onn; bekas Timbalan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman dan Pengasas UMNO, Allahyarham Datuk Onn Jaafar menjelang akhir tahun depan.

Ketua Pengarah Arkib Negara, Rahani Jamil berkata, memorial-memorial tersebut akan dibina di Kuala Lumpur (Memorial Tun Hussein Onn), Johor Bharu (Memorial Tun Dr. Ismail) dan Muar (Memorial Datuk Onn Jaafar).

Katanya, Arkib Negara juga turut bercadang membina beberapa memorial serupa untuk pemimpin-pemimpin lain yang telah meninggal dunia.

“Kita menjangka ketiga-tiga memorial itu dapat disiapkan sebelum menjelang akhir tahun depan,”

katanya selepas menghadiri Majlis Tahlil dan Bacaan Yassin memperingati 28 tahun kematian Perdana Menteri kedua Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein di Memorial Tun Abdul Razak, di sini hari ini.

Majlis tersebut merupakan program tahunan anjuran Arkib Negara yang diadakan sejak penubuhan Memorial Tun Abdul Razak pada 1984.

Hingga kini dua memorial telah dibangunkan oleh Arkib Negara termasuk Memorial Tunku Abdul Rahman yang terletak di Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, Arkib Negara sedang mengumpul bahan-bahan dan dokumen mengenai bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk memastikan ia dalam keadaan baik.